Laporan Tahunan 2006

Annual Report 2006

BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN
Kementerian Kesihatan Malaysia

NATIONAL PHARMACEUTICAL CONTROL BUREAU
Ministry of Health Malaysia



Laporan Tahunan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan • 2006 • National Pharmaceutical Control Bureau Annual Report

KANDUNGAN

2006

CONTENTS

2006

SIDANG PENGARANG LAPORAN TAHUNAN 2006

Pn. Abida Syed M. Haq

Pn. Bariah Abdul Rani



En. Ahmad Zakhi Bin Ramli

En. Abdullah Hisham Bin Ahmat Yaya

Cik. Juzaimah Johari

En. Sufian Hardi Bin Mohamad Zuhair

Pn. Azraini Bt Abdul Samat

SIDANG PENGARANG LAPORAN TAHUNAN 2006

Cik. Nor Hafizah Bt Mohd Potri

Pn. Halimatussa'adiah Bt Mat Som

Cik. Lian Lay Kim



Cik. Debbie Sim

Pn. Rohidah Bt Abdul Rahaman

Pn. Azlina Ismail

Pn. Zuraida Bt. Abdullah

PENGARAH BPFK 2006

Pengarah
Pn. Eisah Abdul Rahman

KETUA PUSAT BPFK 2006

Timbalan Pengarah Pusat Pendaftaran Produk
En. Selvaraja Seerangam

Timbalan Pengarah Pusat Kawalan Kualiti
Dr Sulaikah V.K. Moideen

Ketua Penolong Pengarah Pusat Pasca Pendaftaran Produk
Pn. Tan Lie Sie

Ketua Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Organisasi
Pn. Abida Syed M. Haq

Ketua Penolong Pengarah Pusat Amalan Perkilangan Baik
En. Sulaiman Hj Ahmad

Ketua Unit Pentadbiran
Cik. Zuraidah Zainuddin

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Satu tahun lagi telah berlalu. Tahun 2006 terus diliputi dengan pelbagai aktiviti yang membanggakan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaaan(BPFK). Seperti yang dipaparkan, BPFK telah terlibat dalam berbagai aktiviti di peringkat Kebangsaan dan antarabangsa termasuk mesyuarat rundingan, forum, dialog, persidangan, bengkel dan sebagainya. Perubahan-perubahan yang memberangsangkan telah berlaku pada tahun lepas. Beberapa seksyen telah dinaiktaraf dan diubah-suai dari segi infrastruktur fizikal. Sistem atas -talian sediada (QUEST 2) telah dipertingkatkan. Program-program Pembelajaran Profesional Secara Berterusan (CPD) telah dianjurkan untuk memperkukuh dan meningkatkan keterampilan tenaga kerja. Inisiatif kualiti yang baru telah dilaksanakan untuk memperbaiki perkhidmatan. Disamping itu juga, dasar-dasar serta proses-proses yang berkenaan telah dikaji semula bagi memperkasakan sistem regulatori secara keseluruhan.

Selaku Sekretariat kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah(PBKD), Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM), BPFK terus memainkan peranan yang penting dalam memastikan kualiti, keselamatan dan efikasi produk-produk farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional,suplemen kesihatan dan kosmetik yang terdapat di pasaran Malaysia. Laporan tahunan ini memberikan gambaran mengenai perkembangan,pencapaian prestasi dan perancangan masa hadapan yang dibentangkan mengikut komponen-komponen utama. Dalam usaha menggalakkan interaksi, mengeratkan persahabatan dan memupuk semangat berkumpulan, program-program menarik seperti acara social, sukan dan pembelajaran anjuran Puspanita BPFK, Kelab BPFK dan BAKKI juga diberi liputan.

Sebagai sebuah Pusat Kolaborasi WHO Dalam Bidang Regulatori Farmaseutikal dan ahli Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme(PIC/S),BPFK telah memainkan peranan yang membanggakan dalam aspek regulatori di peringkat antarabangsa. BPFK terlibat dalam kerjasama teknikal dalam pelbagai program latihan khususnya untuk negara-negara membangun dan juga pemeriksaan GMP bersama PIC/S. Kolaborasi teknikal dengan WHO terus diperkukuhkan dalam aspek-aspek seperti pemeriksaan GMP jaringan-kerja dalam surveilans dan farmakovigilans, penilaian dokumen untuk program pra-perakuan,kawalan kualiti ke atas ubat-ubatan herba, validasi analitikal dan ujian profisiensi.

Di bawah program ASEAN *Consultative Committee for Standards and Quality (ACCSQ)* dan *EC-ASEAN Economic Cooperation Programme ON Standards, Quality and Confirmity Assessment*, BPFK aktif terlibat dalam usaha meningkatkan keupayaan dalam memudah-carakan harmonisasi produk-produk farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional, suplemen kesihatan dan juga kosmetik ke arah merealisasikan pelan integrasi pemeliharaan kesihatan ASEAN. Penglibatan antarabangsa lain termasuk melaksanakan "fast track" bagi ASEAN healthcare integration, *ASEAN Cosmetic Committee (ACC) dan Tradisional Medicine and Health Supplements Product Working Group (TMHSPWG)*.

Dengan tambahan sumber manusia yang diperolehi melalui Skim Perkhidmatan Wajib Pegawai Farmasi, BPFK terus berusaha untuk memenuhi kepuasan pelanggan terutama sekali memperbaiki masa pemprosesan untuk pendaftaran produk. Berlandaskan cirri-ciri Amalan Regulatori Baik(Good Regulatory Governance), BPFK semakin gigih untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan unggul dalam bidang regulatori farmaseutikal demi menjaminkan kesihatan dan kesejahteraan insan sejagat.

Tahun 2006 juga melibatkan Malaysia menjadi tuan rumah untuk *Meeting of Asean Working Group for Technical Cooperation in Pharmaceuticals (AWGTCP)*. Bengkel implementasi Perlesenan Wajib (Compulsory Licensing) untuk memudahkan perolehan ubat retroviral juga telah dijalankan dengan bantuan teknikal daripada World Health Organisation (WHO). Satu bengkel ASEAN DRA untuk memperkenalkan Fast Track Registration System berlangsung pada bulan Ogos 2006 dan dipimpini oleh Malaysia dengan bantuan teknikal daripada WHO.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan(2006-2010), tumpuan akan diberikan ke arah meningkatkan prasarana ICT(system QUEST 3), melaksanakan fasa-fasa seterusnya pendaftaran produk (keluaran veterinar dan bahan aktif farmaseutikal), memperkasakan penyelidikan klinikal khususnya permatuhan GCP(Good Clinical Practice) dan GLP (Good Labotory Practice) serta memperolehi akreditasi ISO 17025. Usaha-usaha sewajarnya sedang ditumpukan terhadap isu-isu berkaitan halangan teknikal perdagangan yang timbul akibat globalisasi dan liberalisasi, khususnya implikasi regulatori.

Sumbangan BPFK terhadap pembangunan Negara sepertimana yang diimbaskan oleh pencapaian tahunan 2006 telah memberikan impak yang positif kepada industri farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional dan kosmetik tempatan serta membawa perubahan kepada senario regulatori semasa. Ekoran perkembangan tersebut, banyak ubat-ubatan baru telah diluluskan untuk memenuhi keperluan klinikal semasa dan semakin bertambah premis-premis pengilang GMP telah dilesenkan untuk mengeluarkan produk-produk berkenaan.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terutama sekali kepada anggota-anggota PBKD, MADRAC dan kumpulan-kumpulan Kerja Teknikal yang berkaitan diatas sumbangan dan jasa bakti yang telah dicurahkan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua rakan-dialog dan pihak- pihak yang terlibat di atas kerjasama erat yang berterusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai atasan Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Pengarah Perkhidmatan Farmasi yang telah memberi bimbingan dan dorongan. Kepada semua warga BPFK yang telah bertungkus lumus melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan baik, terima kasih yang tidak terhingga diatas sokongan dan pengorbanan anda sekalian. Semoga tahun 2007 akan membawa kejayaan yang lebih memberangsangkan.

Sekian terima kasih,
Salam Hormat .

EISAH BINTI A RAHMAN
Pengarah,
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.

BAB 1

FALSAFAH ORGANISASI



FALSAFAH ORGANISASI

WAWASAN

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan unggul dalam bidang regulatori farmaseutikal demi menjamin kesihatan dan kesejahteraan insan sejagat.

MISI

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan akan memastikan kualiti, keberkesanan dan keselamatan produk farmaseutikal melalui perlaksanaan undang-undang oleh tenaga kerja yang berketerampilan dan usahasama strategik ke arah peningkatan status kesihatan rakyat.

MATLAMAT

Memastikan bahawa bahan-bahan terapeutik yang dibenarkan di pasaran tempatan adalah selamat, berkesan dan bermutu, serta menentukan bahawa kosmetik yang dibenarkan di pasaran adalah selamat dan bermutu.

STRATEGI

- Memastikan kecekapan dan keberkesanan organisasi melalui permodenan dan automasi sistem-sistem pejabat, makmal dan pendaftaran, peninjauan serta pembaikan perkhidmatan secara regular.
- Memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang berkaitan.
- Memastikan suasana kefahaman dua hala dan kerjasama berterusan sentiasa wujud antara pihak pengawalan dengan sektor swasta melalui sesi dialog dan bimbingan.
- Meningkat potensi serta kepakaran personel
- Mewujudkan satu kumpulan tenaga kerja yang berdedikasi dan penuh komitmen melalui motivasi, penghargaan serta ganjaran yang berpatutan.
- Mempergiatkan aktiviti penyelidikan serta meningkatkan kemudahan-kemudahan bagi tujuan tersebut.
- Mewujudkan suatu suasana yang menggalakkan kakitangan bekerja secara berpasukan dengan sikap penyayang, serta melaksanakan tugas masing-masing secara profesional.

BAB 2

PIAGAM PELANGGAN



PIAGAM PELANGGAN

KEWAJIPAN BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN

Ditujukan khas kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan BPFK.

1 Kemudahan Untuk Pelanggan

- Setiap pelanggan bol
  eh mendapat perkhidmatan yang sewajarnya.
- Setiap pelanggan yang tergolong dalam keadaan yang memerlukan perhatian segera akan diberikan layanan dengan segera.

2 Taraf Perkhidmatan

- Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat dan ikhlas.
- Setiap pelanggan akan diberi perkhidmatan yang terbaik secara profesional.

3 Maklumat Perkhidmatan

- Setiap pelanggan boleh mendapat penjelasan dan nasihat mengenai perkhidmatan yang diberikan kepadanya.

4 Pendaftaran Produk

- Memastikan bahawa semua produk farmaseutikal yang berdaftar adalah selamat, berkesan dan berkualiti serta menentukan bahawa kosmetik yang berdaftar adalah selamat dan berkualiti.
- Semua permohonan akan dinilai dengan adil dan saksama berlandaskan peraturan-peraturan yang berkaitan.
- Semua dokumen yang dikemukakan oleh pelanggan akan disimpan dalam keadaan selamat dan terkawal.

5 Kawalan Kualiti

- Semua ujian makmal akan dijalankan dengan adil dan saksama mengikut peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur berkaitan.

6 Penguatkuasaan Dan Komplikasi

- Setiap tindakan dan penguatkuasaan atas mana-mana pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan akan dilakukan dengan adil dan saksama tanpa dipengaruhi oleh apa-apa kepentingan dan prasangka.

- Bersedia bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain dalam perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan ubat-ubatan.

SETIAP PERMOHONAN YANG LENGKAP AKAN DIPROSES MENGIKUT JANGKAMASA BERIKUT

1. PENDAFTARAN PRODUK

a. Penilaian Penuh / Full Evaluation

Ubat Preskripsi dan Bukan Preskripsi (on-line)	12 bulan
Ubat Baru dan Biogikals (manual-peringkat ke-3)	12 bulan

b. Penilaian Ringkas / Abridged Evaluation

Produk Suplemen Kesihatan	6 bulan
Produk Semulajadi	6 bulan
Ubat Bukan Preskripsi	6 bulan
Produk Kosmetik	1 bulan

2. PERLESENAN

a. Lesen Pemborong, Pengilang, Pengimport
Tidak lebih dari 3 bulan

b. Lesen Import untuk Percubaan Klinikal
Tidak lebih dari 2 bulan

3. UJIAN MAKMAL

a. Bagi tujuan pendaftaran
Tidak lebih dari 4 bulan

4. PEMPROSESAN PERMOHONAN VARIASI

a. Permohonan Variasi

Pindaan - Jenis 1	2 minggu
Pindaan - Jenis 2	2 bulan

b. Pertukaran Tapak Pengilang

Jenis I - Jenis V (manual)	2 bulan

5. PERTUKARAN PEMEGANG PENDAFTARAN
2 bulan

6. PERAKUAN PRODUK
3 bulan

KEWAJIPAN PELANGGAN

Bagi membolehkan piagam ini dilaksanakan dengan berkesan, pelanggan adalah berkewajipan untuk:

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan
- Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab

BAB 3

PENCAPAIAN BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (BPFK) 2006



PENCAPAIAN BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (BPFK) 2006

i. Pendaftaran produk secara online dalam sistem QUEST 2 untuk ubat farmaseutikal selama sudah 4 tahun dan 3 tahun traditional telah berjaya dilaksanakan . Sistem QUEST 2 telah melalui proses peningkatan dengan penambahan modul baru yang merangkumi permohonan variasi produk dan rayuan.

ii. Pelesenan pengilang, pengimport dan pemborong kosmetik telah dikemaskini. Penekanan diberi kepada sesi panduan teknikal untuk memberi bimbingan kepada industri kosmetik.

iii. Pensijilan oleh SIRIM untuk sistem pengurusan kualiti berdasarkan MS ISO versi 2000 berjaya dikekalkan.

iv. Beberapa panduan baru untuk memudahkan pendaftaran produk telah dikemaskini dan dibangunkan oleh Kumpulan Kerja Teknikal (*Technical Working Groups)* yang melibatkan BPFK dan pihak industri. Dokumen yang digunapakai boleh dirujuk melalui halaman web BPFK (www.bpfk.gov.my).

v. BPFK masih memainkan peranan yang aktif dalam usaha harmonisasi melalui *ASEAN Consultative Commitee for Standards and Quality (ACCSQ) Pharmaceutical Product Working Group (PPWG), ASEAN Cosmetic Committee (ACC) and Traditional Medicines and Health Supplements Product Working Group (PWG TMHS)*. Penglibatan antarabangsa lain termasuk memudahcarakan "fast track" bagi *ASEAN healthcare integration dan EC-ASEAN Economic Cooperation on Quality, Standards and Conformity Assessments*. BPFK juga telah mengambil bahagian dalam perundingan antarabangsa dan mesyuarat teknikal dan bilateral dengan Negara ASEAN.

iv. Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk *Meeting of ASEAN Working Group for Technical Cooperation in Pharmaceuticals (AWGTCP)* di Kuching, Sarawak yang mana BPFK mengetuai dalam penganjuran mesyuarat yang berlangsung pada Mei 2006. Bengkel implementasi Pelesenan Wajib (*Compulsory Licensing)* untuk memudahkan perolehan ubat retroviral telah dijalankan dengan bantuan teknikal daripada World Health Organization (WHO). Satu bengkel ASEAN DRA untuk memperkenalkan *Fast Track Registration System* berlangsung pada bulan Ogos 2006 dan ia diketuai oleh Malaysia dengan bantuan teknikal daripada WHO.

BAB 4

AKTIVITI BPFK 2006



AKTIVITI BPFK 2006

Aktiviti-aktiviti Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan secara amnya termasuklah:

- Menguatkuasakan skim pendaftaran ubat dan kosmetik melalui penilaian data teknikal, ujian makmal, penyelidikan dan maklumat yang diterima daripada badan-badan antarabangsa.

- Menjalankan ujian analitikal, farmaseutikal, mikrobiologi, farmaseutikal serta toksikologi atas ubat-ubatan untuk menentukan mutu, keberkesanan dan keselamatan produk-produk tersebut dan menentukan mutu serta keselamatan produk kosmetik.

- Menguatkuasakan skim kawalan mutu ubat-ubatan dalam pasaran melalui penyempelan secara rambang dan menjalankan ujian-ujian analitikal.

- Menguatkuasakan skim perlesenan pengilang, pengimport dan pemborong ubat-ubatan, termasuk skim pelesenan import produk untuk percubaan klinikal.

- Mendorong dan membantu pengilang-pengilang ubat tempatan untuk meningkatkan mutu setaraf dengan Amalan Perkilangan Baik (Good Manufacturing Practice) yang disarankan oleh 'Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S)' dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

- Menguruskan program pemonitoran kesan advers ubat dan menganggotai Program Pemonitoran Ubat Antarabangsa WHO.

- Menguruskan skim panggilbalik produk berdaftar yang didapati 'substandard' atau dibuktikan tidak selamat bagi pengguna.

- Mengendalikan sistem pengumpulan dan penyebaran maklumat ubat.

- Menjalankan penyelidikan metodologi dan penyelidikan asas untuk tujuan penilaian mutu, keberkesanan dan keselamatan ubat-ubatan / kosmetik.

- Menubuhkan sistem piawai rujukan untuk kegunaan negara ini dan negara jiran melalui skim kerjasama dalam bidang farmaseutikal antara negara-negara ASEAN.

- Menjalankan latihan bagi pegawai-pegawai farmasi, pegawai-pegawai profesional lain dan juga pegawai-pegawai separuh profesional yang ditempatkan di institusi ini dari semasa ke semasa melalui skim latihan tempatan atau skim kerjasama antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti khusus yang dilaksanakan oleh setiap Pusat di BPFK adalah seperti berikut :

Pusat Pendaftaran Produk

- Menerima dan menilai permohonan pendaftaran produk farmaseutikal, ubat tradisional dan kosmetik.
- Menjadi urusetia kepada mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, memproses pengeluaran keputusan mesyuarat dan mengeluarkan Sijil Perakuan Pendaftaran.
- Memproses permohonan lesen import untuk tujuan Percubaan Klinikal.
- Memproses permohonan pertukaran pemegang pendaftaran.
- Menilai permohonan tambahan indikasi.
- Memproses rayuan terhadap permohonan produk yang ditolak oleh PBKD.
- Mengeluarkan Perakuan Produk Farmaseutikal, kosmetik dan Peralatan Perubatan untuk tujuan eksport.
- Menilai dan memproses permohonan pindaan maklumat produk berdaftar (sebelum penstrukturan semula organisasi).
- Memproses permohonan pendaftaran semula produk (sebelum penstrukturan semula organisasi).
- Memproses permohonan pertukaran tapak perkilangan (sebelum penstrukturan semula organisasi).

Pusat Kawalan Kualiti (PKK)

- Menjalankan ujian kawalan kualiti untuk menentukan kualiti, keberkesanan dan keselamatan produk berdaftar sebelum dan selepas dipasarkan.
- Menjalankan penyelidikan dan perkembangan metodologi serta protokol analisis produk.
- Menubuhkan sistem piawai rujukan kimia serta biologikal untuk kegunaan institusi, industri farmaseutikal tempatan dan negara ASEAN.
- Menjalankan pemeriksaan Amalan Perkilangan Baik terhadap makmal kawalan kualiti di premis farmaseutikal tempatan.
- Mengkaji dan menilai protokol analisis dan data validasi.

Pusat Amalan Perkilangan Baik (PAPB)

- Menjalankan pemeriksaan APB atas premis pengilang, pengimport dan pemborong produk berdaftar.

- Menjalankan pemeriksaan penyiasatan APB berkaitan kualiti produk atas premis pengilang sekiranya perlu.
- Memproses permohonan dan mengeluarkan lesen pengilang, pengimport dan pemborong produk berdaftar.
- Mengeluarkan senarai tambahan produk berdaftar.
- Menilai pelan susun-atur APB premis pengilang keluaran berdaftar.
- Memberi khidmat nasihat dan bimbingan dari segi teknikal kepada industri berkenaan dalam aspek APB, Amalan Penstoran Baik (ASB) dan pelesenan.
- Menganjur kursus latihan APB untuk industri farmaseutikal dan tradisional serta 'WHO fellows'.
- Mengadakan perbincangan teknikal dengan farmaseutikal untuk meningkatkan tahap APB premis pengilang tempatan.
- Mengumpul maklumat berkaitan industri farmaseutikal dan tradisional.
- Mengeluarkan perakuan APB dan mengesahkan salinan dokumen-dokumen berkaitan lesen.

Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP)

I Pemonitoran Kesan Advers Ubat

- Menguruskan pengesanan dan pemonitoran kesan advers ubat.
- Mengenalpasti langkah-langkah untuk mengurangkan kejadian kesan advers ubat.
- Menggalakkan pelaporan kesan advers ubat.
- Menganggotai Program Pemonitoran Ubat Antarabangsa WHO.

II Surveilans dan Aduan Produk

- Mengambil sampel dalam pasaran dan dihantar untuk ujian.
- Membuat pemonitoran terhadap label dan sisip bungkusan.
- Menjalankan penyiasatan terhadap produk.
- Mengambil tindakan punitif seperti mengeluarkan surat amaran atau arahan panggil balik atas produk apabila perlu.
- Melaksanakan pemonitoran terhadap arahan PBKD.

III Aktiviti berikut mula dilaksanakan oleh PPPP selepas penstrukturan semula BPFK:

- Menilai dan memproses permohonan pindaan maklumat produk berdaftar.
- Memproses permohonan pendaftaran semula produk.
- Memproses permohonan pertukaran tapak perkilangan.

Pusat Pembangunan Organisasi (PPO)

I Maklumat dan Komunikasi

- Memberi penerangan serta maklumat kepada orang awam berkenaan dengan proses pendaftaran, produk berdaftar dan pengkelasan produk.
- Mengendali sistem komputer dan mengemaskini laman web BPFK.
- Mengendali sistem pengumpulan dan penyebaran maklumat ubat-ubat melalui penerbitan Berita Ubat-ubatan.
- Menyediakan perkhidmatan perpustakaan serta membekalkan buku-buku rujukan kepada pegawai-pegawai BPFK.

II Pengurusan Latihan

- Mengendalikan program latihan bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP- Provisionally Registered Pharmacist) dan pelawat dari luar negara yang berkursus di BPFK.
- Mengendalikan program lawatan / taklimat bagi pelawat-pelawat ke BPFK.
- Mengendalikan program pembelajaran berterusan untuk pegawai / kakitangan BPFK.

III Pengurusan Sistem Kualiti

- Menguruskan sistem kualiti BPFK – memastikan semua dokumen berkaitan BPFK terkawal, selamat dan mematuhi garis panduan / keperluan ISO.

BAB 5

PIHAK BERKUASA KAWALAN DADAH



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah berjaya memainkan peranan sebagai sekrefariat kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), untuk memastikan produk terapeutik yang diluluskan untuk pasaran adalah selamat, berkesan dan berkualiti, serta memastikan ubat semulajadi dan kosmetik yang diluluskan adalah selamat dan berkualiti.

12 mesyuarat PBKD telah berlangsung sepanjang tahun 2006 untuk membincang polisi dan permohonan pendaftaran produk serta pelesenan.

Sebanyak 30,189 permohonan pendaftaran produk dibentangkan dalam mesyuarat PBKD pada tahun 2006. Sehingga Disember 2006, sebanyak 29,832 produk berjaya didaftarkan. Daripada jumlah ini, 41 produk yang diluluskan adalah di bawah kategori Ubat Baru dan 19 produk Bioteknologi.

Produk Bioteknologi yang diluluskan pada tahun 2006 adalah seperti berikut:

	Nama Produk
1	Immunine 600 iu injection
2	Avaxim 80 u Pedriatric suspension for injection
3	Tritanrix HB+ HIB vaccine
4	Apidra 100u/ml, solution for inj in vial Apidra 100u/ml, 3 ml Cartridges for Optipen- solution for injection in cartridge. Apidra 100u/ml Optiset - solution for injection in pre filled pen.
5	Recormon Prefilled Syringes 30,000iu/ 0.6ml
6	Amevive 15 mg powder for injection
7	Rotarix Rotavirus vaccine
8	Mabcampath 30 mg/ml, Concentrate for solution for Infusion
9	Immunate 50 iu / ml powder for injection Immunate 100 iu / ml powder for injection
10	Levemir Penfill 100 u/ml, 3 ml Levemir Flexpen 100 u/ml, 3 ml
11	INFLUVAC 2004/2005 Suspension for Injection
12	Xolair 150 mg powder & solvent for Injection
13	Gardasil Suspension for Injection
14	PROQUAD (Measles, Mumps,Rubella and Varicella (Oka/Merck) Virus Vaccine Live, MSD) LYOPHILIZED VACCINE
15	Raptiva Powder and Solvent for solution for injection

Ubat Baru yang diluluskan pada tahun 2006 adalah seperti berikut:

	Nama Produk
1	Bifril 30
2	Ebixa film coated tablet 10 mg
3	Relenza Rotadisk 5 mg
4	Tamiflu oral suspension 12 mg /ml
5	Bonviva 2.5 mg film coated Tablet
6	Bondronat vial 6 mg/6 ml
7	Pletaal 50 mg Pletaal 100 mg tablet
8	Baraclude Tablet 0.5 mg Baraclude Tablet 1 mg Baraclude oral solution 0.05 mg / ml
9	Tri-Luma Cream
10	Caduet film-coated tablet 5 mg/10 mg Caduet film-coated tablet 5 mg/20 mg Caduet film-coated tablet 5 mg/40 mg Caduet film-coated tablet 5 mg/80 mg Caduet film-coated tablet 10 mg/10 mg Caduet film-coated tablet 10 mg/20 mg Caduet film-coated tablet 10 mg/40 mg Caduet film-coated tablet 10 mg/80 mg
11	Zymar 0.3% Eye Drop
12	Chirocaine 2.5 mg / ml Injection Chirocaine 5.0 mg / ml Injection Chirocaine 7.5 mg / ml Injection
13	Nebido 1000 mg for Injection
14	Reyataz Capsule 100 mg Reyataz Capsule 150 mg Reyataz Capsule 200 mg
15	Suboxone 2 mg sublingual tablet Suboxone 8 mg sublingual tablet
16	Fosamax Plus Tablet
17	Mictonorm Tablet
18	Zaditen Eye Drop
19	Angelic Tablets
20	Ketesse 25 mg Film-coated Tablet
21	Exjade 125 mg Dispersible Tablet Exjade 250 mg Dispersible Tablet Exjade 500 mg Dispersible Tablet
22	Tygacil (Tigecycline) 50mg Lyophilized Powder for Intravenous Infusion
23	Ixel 25 mg Hard Capsule Ixel 50 mg Hard Capsule

Sejumlah 234 permohonan pendaftaran produk yang melibatkan 25 ubat preskripsi, 32 ubat bukan preskripsi, 124 ubat semulajadi dan 53 produk kosmetik ditolak oleh pihak PBKD atas sebab-sebab tertentu. Pihak PBKD telah membatalkan pendaftaran 18 produk yang melibatkan 4 ubat preskripsi dalam bentuk dos yang dilarang, 5 produk kosmetik yang dicampurpalsu dan 9 produk semulajadi yang disebabkan isu campurpalsu, lesen pemegang ditarikbalik dan persetujuan pengilang kontrak yang dibatalkan.

Sebanyak 2363 permohonan pelesenan dibentangkan kepada pihak PBKD. Daripada jumlah ini, 446 lesen pengilang, 1016 lesen pemborong dan 901 lesen pengimport telah diluluskan. Sebaliknya, 8 lesen pengilang telah ditarikbalik kerana tidak memenuhi keperluan Amalan Perkilangan Baik pada tahun 2006.

PBKD juga telah meluluskan 277 Lesen Import Percubaan Klinikal untuk tujuan percubaan fasa 4 di Malaysia.

BAB 6

PUSAT PENDAFTARAN PRODUK



PUSAT PENDAFTARAN PRODUK

Pengenalan:

Pusat Pendaftaran Produk berfungsi untuk melaksanakan semua hal yang berkaitan dengan pendaftaran produk, sama ada produk racun, bukan racun, tradisional atau kosmetik.

Pendaftaran produk dilakukan melalui sistem 'online' bagi memudahkan proses pendaftaran produk. Namun demikian, pendaftaran produk bioteknologi and ubat baru masih menggunakan proses manual disebabkan data yang perlu dikemukakan terlalu banyak dan kaedah manual lebih sesuai dan praktikal pada masa kini.

Proses pendaftaran sentiasa dikaji semula untuk memastikan penggunaan satu sistem optima untuk kebaikan semua pihak. Sehubungan dengan itu, sistem penilaian ringkas diwujudkan bagi pendaftaran produk suplemen kesihatan. Prosedur pendaftaran untuk semua produk lain dikekalkan sepertimana pada tahun 2005.

Objektif:

Objektif Pusat Pendaftaran Produk adalah untuk memastikan semua produk farmaseutikal yang didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dinilai dari segi keselamatan, efikasi dan kualiti, manakala ubat tradisional serta produk kosmetik dinilai dari segi keselamatan dan kualiti. Pusat ini juga bertanggungjawab dalam memberi bantuan administratif dan teknikal yang terlibat dalam proses pendaftaran.

Aktiviti 2006:

Pendaftaran Produk

Sejak tahun 2001, bilangan permohonan pendaftaran yang diterima oleh pusat ini telah bertambah. Pada tahun 2006, sebanyak 27,179 permohonan telah diterima, yang mana 90.4% daripadanya adalah permohonan bagi produk kosmetik (Carta 1).

Permohonan Pendaftaran Yang Diterima (Tahun 2006)
N = 27179

Carta 1



27,907 permohonan baru telah dinilai dan dimajukan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) untuk kelulusan. Keputusannya, 27,673 permohonan telah diluluskan (carta 2) dan 234 ditolak atas sebab-sebab tertentu seperti sampel gagal ujian makmal, formulasi mengandungi bahan terlarang, maklumat tidak lengkap semasa pendaftaran, gagal Amalan Perkilangan Baik (APB) dan penarikan balik Lesen Pengilang. Didapati bahawa lebih kurang 53% permohonan pendaftaran yang ditolak melibatkan ubat tradisional atas sebab ketidakakuran dari segi piawai kualiti.

Bilangan pendaftaran produk yang dibatalkan oleh PBKD telah berkurang sejak tahun 2001. Pada tahun 2006, hanya 18 pendaftaran produk telah dibatal dibandingkan dengan 890 pendaftaran produk pada tahun 2001 (Carta 3). Dengan pengecualian bagi tahun 2003, perbandingan data 6 tahun menunjukkan bahawa pembatalan pendaftaran produk tradisional menyumbangkan kepada bilangan pembatalan pendaftaran produk yang tertinggi sejak tahun 2001. 4 ubat preskripsi dibatal atas sebab bentuk dos yang dilarang, 5 produk kosmetik atas sebab campurpalsu dan 9 produk semulajadi atas sebab isu campurpalsu, lesen pemegang ditarikbalik dan persetujuan pengilang kontrak yang dibatalkan.

Produk Yang Didaftar (Tahun 2006)

Carta 2



Pendaftaran Produk Yang Dibatal pada Tahun 2006

Bil	Nama Produk	Nombor Pendaftaran
1	Trebest Plus Capsule	MAL20034665TC
2	Shang Shi Zhi Tong Gao	MAL20034419T
3	Mas Ayu Sendi Tulang Capsule	MAL05041874TC
4	Bio Gents	MAL05041928TC
5	Watermelon Frost 3gm	MAL19971244T
6	Dr's Seagar Skin Recon	MAL04120601K
7	Sri Mutiara Krim Kecantikan Malam	MAL05071157K
8	Qmax Kapsul 350gm	MAL05101709TC
9	Natural Lightening Cream	MAL05011917K
10	GP Lotion	MAL05020114K
11	Dewajah Night Cream	MAL05071145K
12	Methadot 10 Tablet	MAL05092205AC
13	Methadot 5 Tablet	MAL05092204AC
14	Methadot 40 Tablet	MAL05092206AC
15	Aseptone Dispersible Tablet 40mg	MAL20031737A
16	Fructus Sophorae Compound Pills	MAL06071200T
17	Danggui Yangxue Gao	MAL06071199T
18	Houtou Jun Tablets 250mg	MAL06081286T

Daripada 27,673 pendaftaran produk yang diluluskan pada tahun 2006, sebanyak 73.8% pendaftaran adalah untuk produk import yang melibatkan semua kategori produk kecuali ubat tradisional di mana 71.1% ubat traditional dikilangkan di Malaysia. Sehingga Disember 2006, Negara China, diikuti oleh Amerika Syarikat dan India merupakan 3 negara yang paling banyak membekalkan sumber import untuk ubat tradstional yang didaftarkan di Malaysia. Sumber import yang paling tinggi untuk produk kosmetik ialah negara Perancis diikuti oleh Amerika Syarikat dan Itali, manakala Amerika Syarikat adalah negara utama untuk sumber import produk farmaseutikal yang diikuti oleh negara German dan Thailand.

Pendaftaran Produk (Tahun 2001-2006)

Carta 3



Lesen Percubaan Klinikal

Sebanyak 177 Lesen Import Percubaan Klinikal (LIPK) dan 4 Lesen Mengilang Bagi Ubat Tidak Berdaftar telah dikeluarkan pada tahun 2006. Di samping itu, sebanyak 180 permohonan variasi yang melibatkan permohonan untuk menambah kuantiti produk diimport, pertukaran tapak (pusat) penyelidikan, penggunaan protokol penyelidikan yang baru dan sebagainya telah diproses sepanjang tahun 2006. 57 percubaan klinikal yang melibatkan beberapa kelas ubat seperti ubat antikanser, ubat berkaitan dengan sistem kardiovaskular, antidiabetik, antipsikotik, antidepresan dan lain-lain telah dijalankan pada tahun 2006 (Carta 4 dan 5).

Unit Penyelidikan Klinikal Regulatori berfungsi sebagai sekretariat kepada 2 jawatankuasa kebangsaan, iaitu jawatankuasa Penyelidikan Klinikal Kebangsaan dan Jawatankuasa 'Good Laboratory Practice (GLP)'. Pada tahun 2006, 8 fasiliti percubaan klinikal telah diperiksa untuk menilai keupayaan dalam menjalankan percubaan klinikal.

Percubaan Klinikal Yang Dilaksanakan (Tahun 2006)
N = 57

Carta 4



Aplikasi Melalui Kelas Terapeutik (Tahun 2006)

Carta 5



Kajian Semula Proses Pendaftaran

Kajian semula kriteria yang digunapakai dalam proses penilaian permohonan pendaftaran produk suplemen kesihatan telah dilakukan berdasarkan sistem 'listing' yang diamalkan oleh Therapeutic Goods Administration (TGA), Australia. Menurut kriteria penilaian baru ini, sebahagian maklumat seperti 'Finished Product Quality Control/Specification', 'Protocol Analysis/Testing Methods', 'Certificate of Analysis of Finished Product' dan 'Stability Data' bagi produk tersebut boleh dikemukakan selepas produk didaftarkan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab pihak pemohon untuk membekalkan maklumat-maklumat yang diperlukan kepada BPFK semasa aktiviti surveilans pasca-pendaftaran. Kajian semula ini telah berjaya mempercepatkan proses penilaian dan pendaftaran produk suplemen kesihatan. Tempoh masa untuk pendaftaran produk suplemen kesihatan telah dipendekkan dari 12 bulan ke 6 bulan.

Halatuju 2007

- **Kos Baru Penilaian Analisis Sampel**

Mesyuarat PBKD ke-173 yang diadakan pada 1hb September 2005 telah menetapkan bahawa kos baru penilaian analisis sampel akan berkuatkuasa Januari 2007. Kos baru ini akan menyelaraskan kos penilaian analisis bagi pendaftaran produk farmaseutikal dan tradisional.

- **Pendaftaran Produk Veterinar**

Pendaftaran produk veterinar dijangka akan bermula pada tahun 2007. BPFK akan menggemblengkan tenaga untuk memastikan terdapat kapasiti dan kebolehan untuk menjayakan perlaksanaan sistem pendaftaran serta pelesenan bagi produk veterinar. BPFK juga akan menganjurkan program-program kesedaran bagi industri tempatan berkenaan proses pendaftaran produk veterinar.

- **Pengkelasan Semula Produk External Personal Care (EPC) Kepada Kosmetik**

Mesyuarat PBKD ke-185 telah menetapkan untuk mengubah klasifikasi produk dandanan diri (seperti produk anti jerawat, anti bakteria, kesihatan oral, anti kelumumur dan pelindung kulit) kepada kosmetik. Ini adalah supaya klasifikasi produk dandanan diri di Malaysia dapat diselaraskan dengan klasifikasi produk dandanan diri di negara-negara ASEAN yang lain, negara Eropah dan USA sejajar dengan perlaksanaan ASEAN Free Trade Area Agreement (AFTA). Klasifikasi ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2007.

- **Penstrukturan Semula Pusat Pendaftaran Produk**

Ekoran daripada penstrukturan semula organisasi BPFK, Unit Penyelidikan Klinikal yang pada masa ini di bawah Pusat Pendaftaran Produk akan menjadi sebuah seksyen dalam Pusat Komplians dan Pelesenan mulai tahun 2007.

Ubat-ubat Unik Yang Diluluskan Pendaftaran Pada Tahun 2006

1. **Relenza Rotadisk (Zanamivir)** ialah 'neuraminidase inhibitor' dalam bentuk serbuk yang disedut daripada alat plastik. Inhaler ini digunakan untuk mengubati serta mencegah Influenza A dan B untuk golongan dewasa and pediatrik berumur 5 tahun ke atas. Walaupun vaksinasi merupakan cara utama mengawal dan mencegah influenza, Relenza boleh digunakan semasa pandemik untuk 'strain' yang tidak termasuk dalam program vaksin atau apabila vaksin tidak diperolehi.

2. **Tamiflu oral suspension (Oseltamivir)** ialah 'neuraminidase inhibitor' yang juga boleh digunakan untuk mengubati influenza di kalangan dewasa dan pediatrik yang berumur satu tahun ke atas. Kapsul Tamiflu pernah didaftarkan untuk mengubati influenza di kalangan dewasa. Suspension ini boleh juga digunakan untuk pencegahan selepas terdedah kepada virus influenza oleh dewasa dan remaja

berumur 13 tahun ke atas yang telah berhubung dengan pesakit yang secara klinikal disahkan mempunyai influenza.

3. **Baraclude Tablet (Entecavir)** ialah sejenis antiviral yang digunakan untuk mengubati penyakit kronik Hepatitis B virus (HBV) di kalangan dewasa. Baraclude digunakan untuk pesakit 'nucleoside-treatment-naïve' yang telah menerima rawatan selama satu tahun dan pesakit yang rintang terhadap lamivudine yang mempunyai HBeAg-positif atau HbeAg-negatif dengan penyakit hati dan dalam pesakit dewasa HIV/HBV yang pernah menerima lamivudine

4. **Suboxone Sublingual Tablets (Buprenorphine and Nalaxone)** ialah kombinasi yang digunakan oleh penagih opioid sebagai terapi ganti. Buprenorphine ialah agonis opioid separa manakala naloxone ialah antagonis opioid. Naloxone mengelakkan orang daripada melarutkan tablet dan menyuntiknya. Apabila Suboxone diletakkan di bawah lidah, hanya sedikit nalaxone akan diserap ke dalam peredaran darah menyebabkan hanya sedikit kesan buprenorphine dapat dirasai.

5. **Angeliq (Estradiol and Drosperinone)** ialah tablet kombinasi yang digunakan sebagai terapi penggantian hormon. Tablet ini digunakan untuk mengubati sindrom perempuan yang putus haid serta untuk mencegah osteoporosis putus haid. Kebanyakan terapi penggantian hormone mengandungi estrogen dan progestin. Dalam tablet ini, progestin (drosperinone) menyerupai dan bertindak seperti hormon progesteron yang dihasilkan dalam badan manusia.

6. **Exjade (Deferasirox)** ialah tablet boleh larut yang digunakan untuk mengubati pesakit dewasa dan pediatrik berumur 2 tahun ke atas yang mempunyai elemen besi berlebihan disebabkan oleh pemindahan darah (tranfusional haemosiderosis). Ubat ini bertindak sebagai agen pengkelatan yang perlu diambil secara oral sekali dalam sehari. Agen pengkelatan desferoxamine hanya boleh digunakan dalam bentuk suntikan.

7. **Ixel (Milnacipran)** ialah kapsul antidepresan untuk mengubati penyakit depresi di kalangan dewasa. Milnacipran merupakan agen pertama dalam kelas baru yang dinamakan 'norepinephrine serotonin reuptake inhibitors' (NSRI) yang bertindak meningkatkan paras norepinephrine lebih daripada paras serotonin.

8. **Gardasil** ialah vaksin yang digunakan untuk mencegah penyakit seperti barah serviks, 'genital warts' dan 'precancerous' atau 'dysplastic lesions' yang disebabkan virus jenis 6, 11, 16 dan 18 Human Papillomavirus (HPV).

9. **Rotarix vaccine (Live attenuated human rotavirus)** ialah vaksin oral yang digunakan untuk mencegah gastro-enteritis (cirit birit dan muntah) yang disebabkan rotavirus di kalangan kanak-kanak. Rotarix diberi dalam dua dos. Ubat ini diberikan secara terus ke dalam mulut bayi menggunakan jarum suntikan oral. Rotarix boleh diberi bersama-sama vaksin lain.

10. **Xolair (omalizumab)** ialah antibodi terapeutik 'humanised' pertama yang digunakan untuk mengubati dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas yang mempunyai penyakit kronik lelah alergi di mana simptomnya tidak dapat dikawal dengan sempurna oleh kortikosteroid yang disedut. Xolair dalam bentuk suntikan bertindak untuk menghalang immunoglobulin E (IgE) yang merupakan faktor terjadinya penyakit lelah alergi.

11. **ProQuad lyophilized vaccine** ialah vaksin kombinasi yang berupaya memberi perlindungan terhadap semua penyakit 'measles', 'mumps', 'rubella' dan 'varicella' dalam individu yang berumur di antara 12 bulan ke 12 tahun. ProQuad diberi sebagai suntikan di bawah kulit. Bahan aktif terdiri daripada virus yang menyebabkan sakit measles', 'mumps', 'rubella' dan 'varicella' yang telah dilemahkan.

12. **Amevive (Alefacept)** ialah ubat suntikan yang digunakan untuk mengubati 'plaque psoriasis' kronik yang sederhana hingga kes yang serius di kalangan dewasa yang sesuai untuk terapi sistemik atau terapi foto. Ubat ini adalah produk biologikal pertama yang didaftarkan untuk indikasi psoriasis. Amevive bertindak dengan menghalang di samping mengurangkan komponen sel sistem imun yang dipercayai memainkan peranan penting dalam proses penyakit psoriasis.

13. **Avaxim 80U** ialah formulasi pediatrik yang digunakan sebagai imunisasi aktif terhadap jangkitan virus hepatitis A di kalangan kanak-kanak yang berumur 12 bulan ke 15 tahun dan ke atas yang mempunyai risiko menjangkiti ,menyebarkan penyakit atau mempunyai risiko maut jika terjangkit.

14. **Mabcampath (Alemtuzumab)** secara infusi, digunakan untuk mengubati Leukimia Limfositik Kronik dalam pesakit yang pernah menggunakan agen pengalkilan tetapi gagal atau separa sembuh atau hanya mencapai remisi untuk tempoh yang pendek setelah diberi terapi fludarabine fosfat. Mabcampath adalah DNA-derived humanized'antibodi monoclonal rekombinan 'yang bertindak terhadap CD-52, sejenis protein yang hadir di dalam limfosit matang.

BAB 7

PUSAT KAWALAN KUALITI



PUSAT KAWALAN KUALITI

Pengenalan

Proses kawalan kualiti yang dikendalikan oleh Pusat Kawalan Kualiti (PKK) berasaskan spesifikasi farmakopia dan kaedah dalaman, disamping protokol analisis yang diluluskan. Dalam kes tertentu, spesifikasi yang disediakan oleh pengilang boleh juga digunapakai. Standard yang sama digunakan untuk pematuhan sampel bagi sampel farmaseutikal, tradisional dan kosmetik yang berdaftar di pasaran. Dengan itu produk berkenaan perlulah mematuhi kualiti yang merangkumi penilaian dokumen serta pengujian sampel sebelum dan selepas dipasarkan.

Produk-produk yang diuji adalah untuk tujuan pendaftaran, pengawasan produk berdaftar dalam pasaran, kes-kes aduan bagi produk berdaftar dan sampel produk dari Cawangan Penguatkuasa Farmasi (CPF). Pendaftaran produk farmaseutikal dimulakan dengan penilaian protokol analisis produk diikuti dengan ujian ke atas sampel produk. Bagi produk parenteral, pemohon hanya perlu mengemukakan protokol analisis serta data validasi sahaja, manakala produk tradisional dimulakan dengan pengujian sampel.

Objektif

Memastikan produk-produk terapeutik dan kosmetik yang dibenarkan di pasaran tempatan dipantau dari aspek kualiti dan keselamatan dengan:

- Menjalankan ujian-ujian kimia dan biologikal berlandaskan prosedur dan tatacara yang mematuhi piawaian antarabangsa
- Membangunkan dan memperkembangkan metodologi pengujian dan penyelidikan
- Menubuhkan piawai rujukan kimia dan biologikal untuk kegunaan institusi dan industri farmaseutikal tempatan
- Mengambil bahagian dalam kajian kolaboratif dan skim ujian profisiensi di bawah anjuran ASEAN, WHO dan EDQM untuk memastikan kompetensi berterusan dalam bidang penganalisaan
- Memberi latihan berterusan dalam analisis kawalan mutu kepada penganalisa institusi dan industri farmaseutikal tempatan
- Memberi sokongan dan input teknikal kepada Pusat Amalan Perkilangan Baik dalam pengauditan pengilang produk-produk terapeutik dan kosmetik

Aktiviti 2006;

Bagi tahun 2006 Pusat Kawalan Kualiti menerima sebanyak 5222 sampel untuk pelbagai jenis ujian. Dari 5187 sampel yang diuji pada tahun 2006,terdapat sebanyak 2196 sampel pendaftaran dan 2690 sampel pengawasan yang diuji. Bilangan sampel ujian ini telah meningkat dari 4605 pada tahun 2005 kepada 5187 sampel pada tahun 2006. (Carta 6)

Bilangan Sampel Diuji (Tahun 2001-2006)

Carta 2



Daripada bilangan ujian pula, didapati jumlah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2006 terdapat peningkatan sebanyak 1.3 % (57,971) dari 57,231 ujian pada tahun 2005 kepada 57,971 ujian pada tahun 2006- suatu jumlah yang tertinggi sebelum ini.(Carta 7)

Bilangan Ujian Dijalankan (Tahun 2001-2006)

Carta 3



Sebahagian besar ujian melibatkan ujian had mikrob (52.4%) diikuti dengan ujian logam berat (As, Hg, Pb, Cd) (14.6%) dan ujian kimia (14.1%). Selain daripada itu, terdapat ujian pengecaian, pelarutan, steriliti, endotoksin bakteria, toksisiti, biokimia, biologikal, bilangan partikel serta esei antibiotik. (Carta 8)

Terdapat beberapa kes di mana ujian berkenaan didapati tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan. Bagi tahun 2006 sebanyak 465 sampel gagal mematuhi spesifikasi atau syarat yang diperlukan. Ini merupakan sebanyak 8.96% dari jumlah sampel yang diuji. Didapati kebanyakan sampel yang gagal ujian adalah sampel tradisional iaitu sebanyak 280 (62.4%) sampel dari keseluruhan sampel yang gagal. 16.5% sampel farmaseutikal pula didapati gagal ujian. Bilangan kegagalan ujian didapati meningkat berbanding dengan tahun 2005 iaitu sebanyak 3.6%.

Ujian Yang Dijalankan (Tahun 2006)
N = 62989

Carta 8



Pada tahun 2006 terdapat peningkatan bilangan ujian sebanyak 1.3% (57,971) berbanding dengan 57,231 pada tahun 2005.

Bahan Campurpalsu Dalam Ubat Tradisional

Bagi tempoh tahun 2006, sebanyak 339 sampel ubat tradisional iaitu 154 dari CPF, 109 sampel surveilans (termasuk laporan kesan advers) dan 76 sampel pendaftaran diuji bagi tujuan penyaringan bahan campurpalsu. 936 ujian telah dijalankan ke atas 4 kategori produk tradisional sebagai langkah pengawasan terhadap sampel pendaftaran & surveilans bagi menguji kehadiran bahan campur palsu. Kategori produk-produk tersebut mempunyai indikasi berikut :

- produk kesihatan lelaki
- produk bagi sakit-sakit sendi dan otot (NSAID)
- produk dan bahan steroids
- produk bagi mengurang atau mengawal berat badan

Kebanyakan ujian tersebut adalah untuk indikasi kesihatan lelaki di mana ianya merupakan kes campurpalsu yang tertinggi dalam ubat tradisional. Ujian tersebut dijalankan untuk menguji kehadiran Sildenafil, Tadalafil, Vardenafil serta analog bagi Sildenafil (Acetyldenafil), Dari sampel yang diuji, bahan-bahan berkenaan telah dicampurpalsukan dalam produk tradisional. Sebaliknya, antihypertensive, antidiuretics, antifungal, antidiabetik, beta-agonist, amphetamine dan hormon tidak dikesan dalam ketiga-tiga jenis sampel CPF, Surveilans dan Pendaftaran.

Kebanyakan sampel CPF dan surveilans mengandungi bahan-bahan seperti steroids, NSAID's dan analgesik, anthistamine, kafein, sildenafil, tadalafil, acetildenafil dan hydroxyhomosildenafil. Bagi sampel pendaftaran, bahan-bahan seperti di atas tidak ditemui kecuali kafein dalam peratusan yang agak tinggi (Carta 9).

Piawai Rujukan

Pada tahun 2006 sebanyak 126 vial piawai rujukan ASEAN bernilai RM 18,900.00 dan 479 vial piawai rujukan BPFK bernilai RM 47,900.00 telah dijual kepada industri farmaseutikal tempatan dan luar negara.

Jumlah keseluruhannya sebanyak RM 66,800.00, suatu peningkatan sebanyak RM13,750.00 dari tahun 2005, merupakan kutipan hasil jualan tertinggi dalam tempoh enam tahun. (Carta 10)

Pembekalan piawai rujukan adalah percuma bagi kegunaan badan-badan kerajaan, seperti Jabatan Kimia, Makmal Ubat dan Stor Sarawak, CPF Negeri serta badan regulatori negara-negara ASEAN. Dalam tahun 2006 sahaja sebanyak 1441 vial piawai rujukan telah dibekalkan secara percuma kepada badan-badan di atas; di mana 614 vial adalah dari jenis ASEAN manakala bakinya dari jenis BPFK. (Carta 11)

Pusat Kawalan Kualiti juga terlibat secara langsung dalam projek kolaborasi bagi negara ASEAN iaitu di bawah kerjasama dan naungan WHO. Ini melibatkan pengeluaran dan penggunaan piawai rujukan ASEAN (ARS) serta ujian ARS. Ujian-ujian untuk kajian kolaborasi juga dijalankan ke atas bahan mentah yang diterima dari negara ASEAN.

Bilangan Sampel Yang Diuji Dan Dikesan Positif Kehadiran Bahan Campur Palsu Mengikut Kategori (Tahun 2006)

Carta 9



Hasil Jualan Tahunan Piawai Rujukan (Tahun 2001-2006)

Carta 10



Bekalan Piawai Rujukan Kepada Agensi Kerajaan (Tahun 2001-2006)

Carta 11



BAB 8

PUSAT PASCA PENDAFTARAN PRODUK



PUSAT PASCA PENDAFTARAN PRODUK

Pengenalan:

Adalah menjadi tanggungjawab Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP) dalam memastikan semua produk-produk berdaftar mematuhi garispanduan dan memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Di bawah program 'Post Marketing Surveillance (PMS)', sampel-sampel produk berdaftar di pasaran akan diambil dan di hantar ke makmal untuk diuji. Pusat ini juga menjalankan penyiasatan untuk aduan produk dan laporan kesan advers ubat (ADRs) yang diterima. Tindakan susulan seperti mengeluarkan surat amaran, panggil balik keluaran dan mengenakan tindakan regulatori seperti pertukaran label akan dilakukan jika perlu untuk memastikan keselamatan pengguna sekaligus rakyat Malaysia.

Objektif:

Objektif pusat ini ialah untuk memastikan bahawa semua produk yang didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang dipasarkan di Malaysia mematuhi kepiawaian, keperluan dan syarat-syarat pendaftaran yang ditetapkan dari segi kualiti, keberkesanan dan keselamatan.

Aspek keselamatan adalah merangkumi potensi atau kesan berbahaya yang sebenarnya akibat penggunaan produk tersebut. Aspek kualiti adalah berkaitan dengan pembuatan produk dan aspek keberkesanan merangkumi samada keluaran tersebut memberi kesan yang diingini atau tidak daripada penggunaan produk tersebut.

Aktiviti 2006:

Surveilans dan Aduan Produk

Di bawah program Post Marketing Surveillance (PMS), pada tahun 2006 sahaja, sejumlah 2549 produk berdaftar yang terdiri daripada 713 produk farmaseutikal, 561 produk bukan farmaseutikal dan 1320 produk tradisional telah disampel dari pasaran dan diuji di Pusat Kawalan Kualiti (PKK), BPFK.(Carta 12 dan 13)

Keputusan Ujian Makmal Bagi Sampel Surveilans (Tahun 2003-2006)

Carta 12



Keputusan Ujian Makmal Bagi Sampel Surveilans Mengikut Kategori Produk (Tahun 2006)

Carta 13



Daripada 2376 produk yang diuji, sebanyak 162 sampel gagal ujian yang dijalankan di makmal. 108 daripada jumlah produk yang gagal telah dipanggil balik di mana 85 adalah produk tradisional, 19 produk preskripsi, 3 produk bukan preskripsi dan 1 produk kosmetik. Bagaimanapun, ia hanya melibatkan panggil balik kelas 3 yang berkenaan dengan isu kualiti. Kelompok yang terlibat perlu dipanggil balik dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat jawatan. Selain itu, sebanyak 41 surat amaran telah dikeluarkan kepada pemegang bagi produk yang gagal ujian makmal. Untuk 13 produk dalam Jadual 1, tiada tindakan susulan dijalankan kerana pihak pemegang telah mengemukakan alasan yang munasabah.

Di bawah program surveilans, sejumlah 2631 label dan sisip bungkusan produk telah disemak untuk memastikan ia memenuhi keperluan. Dalam aspek ini, sebanyak 68 surat amaran telah dikeluarkan kepada pemegang produk yang tidak mematuhi keperluan PBKD.

Bilangan aduan yang diterima telah meningkat sebanyak 15% pada tahun 2006 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Sebanyak 317 aduan diterima melibatkan 28 produk kosmetik, 16 produk tradisional, 49 produk bukan preskripsi, 151 produk preskripsi dan 73 produk tidak berdaftar (Carta 14) Tindakan susulan telah dijalankan dalam tempoh 6 minggu bagi 85% kes yang diterima. Aduan berkenaan produk tidak berdaftar dikemukakan kepada Cawangan Penguatkuasa Farmasi (CPF) untuk tindakan susulan.

Aduan Produk Diterima (Tahun 2006)

N = 317

Carta 14



13 produk yang telah dibatalkan pendaftaran oleh PBKD kerana dicampurpalsu dengan racun berjadual:

	Nama Produk	Bahan Campur Palsu
1	Herbs-U	Sibutramine
2	Ching Du Yan Capsule	Chlorphenaramine, Chloramphenicol, Ibuprofen, Kafein
3	Han Palace	Acetildenafil
4	Trebest Plus Capsule	Acetildenafil
5	Mas Ayu Sendi Tulang Capsule 250mg	Acetaminophen
6	Bio Gents	Acetildenafil
7	Dr. Seagar SkinRecon	Hydroquinone, Tretinoin
8	Kintop Capsule	Sibutramine
9	Natural Lightening Cream	Hydroquinone
10	GP Lotion	Tretinoin
11	Sri Mutiara Krim Kecantikan Malam	Tretinoin
12	Dewajah Night Cream	Tretinoin
13	Qmax Kapsul 350mg	Acetildenafil

Pemonitoran Profil Keselamatan Produk

Di bawah program farmakovigilans, sebanyak 2543 laporan kesan advers ubat (ADR) yang melibatkan 2938 produk telah diterima. Daripada jumlah produk tersebut, 2799 adalah produk preskripsi, 52 produk bukan preskripsi, 14 produk tradisional, 5 produk kosmetik dan 68 produk tidak berdaftar. Sebanyak 50% daripada laporan ADR yang diterima adalah daripada kakitangan kesihatan profesional dalam sektor kerajaan (Carta 15)

Semua laporan ADR yang diterima disiasat dan dikemukakan kepada Malaysian Adverse Drug Reaction Advisory Committee (MADRAC) di mana ahli jawatankuasa tersebut bermesyuarat 6 kali dalam setahun. Berikutan dengan ini, sebanyak 2491 laporan yang dinilai telah dihantar ke Uppsala Monitoring Centre, Sweden untuk dimasukkan ke dalam Pangkalan Data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Analisa laporan ADR melalui sistem pengelasan organ menunjukkan bahawa laporan ADR yang melibatkan sistem kulit dan dermatologi adalah laporan yang paling banyak diterima (Carta 16). Berdasarkan carta di bawah, ubat traditional dan diclofenac dalam produk farmaseutikal dilapor menyumbangkan kes ADR yang tertinggi di kalangan pesakit atau pengguna.

Sebanyak 11 ceramah telah diadakan di beberapa negeri untuk mempromosikan kesedaran mengenai pelaporan ADR dan sistem pemonitoran ADR terutama di kalangan anggota kesihatan profesional.

Analisa Laporan ADR Mengikut Kategori Pengadu

Carta 15



Analisa Laporan ADR Bagi 15 Kelas/Sistem Organ

Carta 16



Variasi

Unit variasi bertanggungjawab dalam memproses permohonan untuk tujuan pertukaran yang melibatkan pertukaran major atau minor pada produk berdaftar dan juga permohonan untuk pertukaran tapak pengilang.

Pada tahun 2006 sahaja, sebanyak 29532 permohonan diterima untuk variasi (Carta 17). Daripada jumlah ini, sebanyak 19473 permohonan telah dilulus dan sebanyak 8625 ditolak (Carta 18). Antara sebab-sebab yang menyebabkan permohonan ditolak termasuklah:

a. Dokumen yang dilampirkan tidak berkaitan dengan maklumat yang dikehendaki. Permohonan ditolak agar pemohon boleh menghantar semula lampiran yang berkenaan.
b. Pertukaran yang dibuat tidak mematuhi keperluan regulatori.
   Sejumlah 324 permohonan untuk pertukaran tapak pengilang diterima dan telah dinilai. Daripada jumlah ini, sebanyak 282 permohonan diluluskan, 32 permohonan berada dalam status 'Under Review' dan 10 permohonan ditolak.

Permohonan Variasi Mengikut Kategori Produk untuk Tahun 2006
N = 29532

Carta 17



Permohonan Variasi Mengikut Kategori Produk (Tahun 2006)

Carta 18



Perancangan untuk 2007:

AKTIVITI SURVEILANS

- Berikutan pengenalan sistem 'abridged evaluation' untuk produk suplemen kesihatan pada pertengahan 2006, program pemonitoran aktif untuk produk kesihatan suplemen telah dirancang.
- Meningkatkan lagi surveilans untuk produk kosmetik.

Laporan Pengguna

Projek perintis akan dilancarkan di sekitar Lembah Klang iaitu kajian akan dilakukan berkenaan penglibatan pengguna dalam program surveilans ubat. Jika program ini berjaya, ia akan diteruskan untuk memberi peluang kepada pengguna untuk menyalurkan laporan kepada pihak yang berkenaan. Aduan mengenai kualiti dan keselamatan produk juga dapat disalurkan dengan tepat, lebih-lebih lagi untuk produk yang dijual tanpa preskripsi.

Pemonitoran ADR untuk produk-produk veterinar

Program pemonitoran ADR untuk produk veterinar akan dijalankan serentak dengan pelaksanaan sistem pendaftaran produk veterinar. Sistem pemonitoran akan melibatkan juga kesan advers ubat yang berlaku pada manusia yang berpunca daripada penggunaan ubat veterinar sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Satu garispanduan akan dirangka untuk membantu kakitangan kesihatan profesional, kakitangan industri dan juga pengguna dalam membuat laporan kesan advers berkaitan dengan produk veterinar.

BAB 9

PUSAT AMALAN PERKILANGAN BAIK



PUSAT AMALAN PERKILANGAN BAIK

PENGENALAN:

Pusat Amalan Perkilangan Baik (Pusat APB) adalah Pusat yang bertanggungjawab mengendalikan pemeriksaan dan pelesenan ke atas pengilang-pengilang produk farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional dan kosmetik bagi memastikan bahawa produk-produk tersebut dikilangkan menurut keperluan Amalan Perkilangan Baik (Pusat APB). Selain itu, Pusat ini juga terlibat dalam mengendallikan urusan pelesenan premis-premis pengimport dan pemborong dengan kerjasama daripada Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri (CPFN) dalam usaha memastikan bahawa pengimport dan pemborong produk-produk berdaftar mematuhi keperluan Amalan Penstoran Baik (ASB).

OBJEKTIF:

Pusat Amalan Perkilangan Baik (Pusat APB) akan sentiasa berusaha dalam memastikan produk-produk farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional dan kosmetik yang dibenarkan berada di pasaran tempatan adalah selamat, berkesan dan berkualiti melalui aktiviti-aktiviti pemeriksaan yang dijalankan.

Aktiviti 2006:

Pemeriksaan APB

Sebanyak 291 pemeriksaan APB telah dijalankan pada tahun 2006 berbanding dengan 226 pemeriksaan pada tahun 2005. Pemeriksaan tersebut meliputi 54 premis pengilang produk preskripsi, 22 produk bukan preskripsi, 141 produk tradisional, 69 kosmetik dan 5 premis pengilang produk selain daripada kategori yang tersebut di atas (Carta 19).

Pemeriksaan APB Yang Dijalankan (Tahun 2004-2006)

Carta 19



Penilaian Pelan Susun Atur Premis Pengilang

Sejumlah 74 pelan susun atur premis pengilang baru dan sediada telah dinilai untuk kepatuhan APB pada tahun 2006 . Premis-premis tersebut termasuk 4 premis pengilang produk preskripsi, 9 produk bukan preskripsi, 32 produk ubat tradisional, 22 kosmetik dan 7 lain-lain premis untuk bahan aktif farmaseutikal (API) serta produk veterinar (Carta 20).

Penilaian Pelan Susun Atur Premis Pengilang (Tahun 2004-2006)

Carta 20



Pengeluaran Lesen

Di bawah peruntukan sub-peraturan 12 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984, PBKD diberi kuasa untuk mengeluarkan 4 jenis lesen di mana 3 daripadanya adalah di bawah tanggungjawab pusat ini. Jenis-jenis lesen adalah seperti lesen pengilang, lesen pengimport dan lesen pemborong.

Pada tahun 2006, sebanyak 336 premis pengilangan, 776 premis pengimport dan 970 premis pemborong telah dilesenkan (Carta 21) di mana pecahan jumlah lesen yang dikeluarkan mengikut kategori produk adalah seperti di Jadual 1. Senarai serta maklumat mengenai premis-premis berlesen boleh didapati dengan melayari laman web BPFK (www.bpfk.gov.my) di mana maklumat dan data dikemaskini setiap bulan.

Jumlah Lesen Yang Dikeluarkan (Tahun 2001-2006)

Carta 21



Premis Yang Dilesenkan (Tahun 2006)

Jadual 1

Kategori Produk	Pengilang	Pengimport		Kategori Produk	Pemborong
Farmaseutikal	85	180		Preskripsi	426
Tradisional	161	149		Bukan Preskripsi / Tradisional / Kosmetik	544
Kosmetik	90	447			
Jumlah	**336**	**776**		**Jumlah**	**970**

Pengeluaran Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar

Jumlah permohonan yang diproses pada tahun 2006 adalah sebanyak 1367 dan ini meliputi sebanyak 10392 produk (Carta 22). Senarai ini diproses berdasarkan permohonan yang dikemukakan apabila terdapat produk yang baru didaftarkan dan senarai perlu dikepilkan bersama Lesen Pengilang atau Lesen Import.

Pengeluaran Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar (Tahun 2004 - 2006)

Carta 22



Pemeriksaan Fasiliti Penyediaan Produk-Produk Steril Farmaseutikal Dan Radiofarmaseutikal Di Hospital-Hospital Kerajaan Dan Swasta

Pusat APB turut terlibat dalam pemeriksaan ke atas fasiliti-fasiliti bilik bersih yang digunakan untuk penyediaan produk-produk steril di hospital-hospital kerajaan dan swasta. Pada tahun 2006, sebanyak 19 pemeriksaan telah dijalankan ke atas fasiliti-fasiliti penyediaan produk sediada dan baru di seluruh negara. Pemeriksaan yang dijalankan adalah sebagai salah satu usaha untuk memastikan bahawa produk-produk yang disediakan di fasiliti-fasiliti tersebut adalah selamat bagi kegunaan pesakit di samping menjamin keselamatan petugas dan alam sekitar. Sehingga kini, terdapat 7 buah hospital kerajaan dan sebuah hospital swasta yang telah berjaya dikualifikasikan kerana fasiliti penyediaan produk titisan mata, 'Cytotoxic Drug Reconstitutions' (CDR) dan 'Total Parenteral Nutritions' (TPN) mereka didapati mencapai standard yang telah ditetapkan dari aspek premis dan peralatan. Selain itu, sebuah hospital kerajaan dan sebuah hospital swasta telah berjaya dikualifikasikan bagi penyediaan produk radiofarmaseutikal (siklotron).

Pemeriksaan Amalan Penstoran Baik (ASB) Ke Atas Premis-Premis Pengimport dan Pemborong Untuk Produk Bukan Preskripsi dan Tradisional

Pusat APB telah memulakan aktiviti pemeriksaan Amalan Penstoran Baik (ASB) ke atas premis-premis pengimport dan pemborong sekitar Lembah Klang bermula pertengahan tahun 2006. Aktiviti pemeriksaan ini dijalankan bagi melihat tahap pematuhan premis-premis berkenaan terhadap aspek ASB yang penting bagi memastikan produk-produk berdaftar disimpan dan diedarkan dalam keadaan yang terkawal.

National GMP Seminar 2006

Bagi menyumbang ke arah peningkatan pencapaian industri ubatan tradisional di Malaysia, Pusat APB, BPFK telah menganjurkan "NATIONAL GMP SEMINAR 2006" bertema "Meeting Current GMP Challenges" pada 19-21 Disember 2006. Objektif seminar ini adalah untuk mempertingkatkan kesedaran di kalangan industri yang terlibat dalam aktiviti pengilangan, penstoran dan pengedaran produk-produk berdaftar tentang kepentingan pengawasan kualiti sebelum dan selepas diterima oleh pengguna. Seiring dengan seminar tersebut, satu sesi khas telah diadakan untuk ketua-ketua pegawai eksekutif (CEOs) syarikat pengilang tempatan untuk membincangkan isu-isu berkaitan regulatori termasuk aspek pendaftaran produk, kawalan kualiti, aktiviti surveilans terhadap produk yang telah didaftarkan oleh PBKD serta aspek Amalan Perkilangan Baik.

Penglibatan Pusat APB Di Peringkat Antarabangsa

Penerimaan dan pengiktirafan oleh *Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S)* semakin ketara apabila Pusat ini terus diundang bersama untuk menjayakan program-program pemeriksaan ke atas negara-negara anggota dan negara-negara yang ingin menganggotai pertubuhan tersebut, contohnya: Medicine & Health product Regulatory Agency (MHRA)-United Kingdom dan Istituto Nacional des Medicamentos (INAME) –Argentina. Selain itu, Pusat ini juga telah dilantik menjadi co-rapportuer dalam penilaian permohonan negara Thailand yang berhasrat untuk menganggotai PIC/S.

HALATUJU 2007

Pengawalan Produk Kategori Bahan Aktif Farmaseutikal (API) dan Veterinar

Setakat ini, produk-produk bahan aktif farmasutikal (API) dan veterinar tidak dikawal oleh PBKD. Akan tetapi, pemeriksaan pra-pensijilan bagi tujuan pengeluaran sijil APB yang digunakan sebagai salah satu dokumen pendaftaran untuk produk yang ingin dieksport ke luar negara dilakukan oleh Pusat APB. Satu pangkalan data berhubung produk-produk API dan veterinar akan diwujudkan untuk dijadikan bahan rujukan dan pemantauan dalam penerimaan aduan bagi produk-produk berkenaan. Selain itu, pegawai-pegawai akan didedahkan kepada sesi latihan supaya kepentingan amalan perkilangan baik dapat dipraktikkan dalam pengilangan produk API.

Kerjasama di Peringkat ASEAN dalam Bidang APB bagi Produk Farmaseutikal

Pada Mesyuarat Ke-9 ACCSQ-PPWG Februari 2005 di Filipina, 3 bidang pengawalan farmaseutikal telah dikenalpasti untuk pembangunan Sectoral Mutual Recognition Arrangements (MRAs) – iaitu 'Medicinal Product GMP Inspection, QC Testing Method and Results, dan Bioequivalence'. Sebuah badan iaitu MRA Taskforce bagi Pemeriksaan APB yang diketuai oleh Singapura dan Malaysia telah ditubuhkan untuk memantau pembangunan Sectoral MRA dalam bidang pemeriksaan APB. Beberapa mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan tema rujukan dan menderaf garispanduan am bagi 'ASEAN MRA on GMP Inspection'yang akan ditandatangani oleh kesemua 10 negara anggota pada akhir tahun 2007.

Perlaksanaan APB Untuk Produk Tradisional dan Suplemen Kesihatan di Peringkat ASEAN

Lanjutan daripada Mesyuarat Asean Consultative Committee on Standards and Quality (ACCSQ) Traditional Medicines And Health Supplements Product Working Group (TMHS PWG) yang ke-6, Malaysia telah dilantik untuk mengetuai pengendalian perkara-perkara yang berkaitan dengan APB. Salah satu tanggungjawab APB adalah penyediaan senarai semak untuk kegunaan pihak industri dari negara-negara ASEAN dalam penilaian isu komplians APB. Malaysia juga dipertanggungjawabkan untuk mengendali dan mengkoordinasi Bengkel Teknikal, bagi mengenalpasti pendekatan yang sesuai bagi ASEAN untuk menghasilkan keperluan APB produk tradisional dan suplemen kesihatan. Bengkel Teknikal ini dijangka akan diadakan awal bulan Mei 2007 di Kuala Lumpur. Perkara yang akan dibincangkan adalah kompilasi hasil senarai semak dari negara ASEAN untuk digunakan oleh pihak industri bagi menilai potensi tahap pematuhan APB negara masing-masing serta merancang halatuju implementasi APB terhadap produk tradisional dan suplemen kesihatan. Kesimpulan perbincangan di Bengkel Teknikal akan dibentangkan pada Mesyuarat ACCSQ TMHS PWG yang ke-7 yang akan diadakan pada Julai 2007 di Brunei.

Pemeriksaan Amalan Penstoran Baik (ASB) bagi pengimport dan pemborong

Pemeriksaan Amalan Penstoran Baik ke atas pengimport dan pemborong bagi keluaran berdaftar akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut negeri dan kategori produk. Latihan berbentuk teori dan praktikal telah dijalankan sebagai pengenalan terhadap aspek ASB oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi.

Latihan APB Farmaseutikal Bercorak Modul

Program latihan APB bercorak modul akan bermula pada Januari dan berakhir pada November 2007. Program ini dikelolakan bersama dengan MOPI.

Module 1 - International GMPs and Quality Assurance
Module 2 - GMP for Manufacturing Operations
Module 3 - Validation Principles
Module 4 - Contamination Control and Clean rooms
Module 5 - Validation Practices
Module 6 - Good Aseptic Practices and Sterile Products
Module 7 - Pharmaceutical Engineering – Facility, Equipment and Process Design
Module 8 - Solid Dose Manufacture Principles and Practices
Module 9 - Liquid and Cream Manufacture Principles and Practices

BAB 10

PUSAT PEMBANGUNAN ORGANISASI



PUSAT PEMBANGUNAN ORGANISASI

PENGENALAN:

Menyedari kepentingan komunikasi dalaman dan luaran, pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) meneruskan usaha dan kerjasama yang erat dengan industri tempatan, persatuan industri, pakar perubatan, anggota akademik, pengguna serta beberapa pihak lain yang berkaitan untuk memantapkan lagi keberkesanan sistem regulatori di Malaysia.

OBJEKTIF:

- Sebagai sumber maklumat ubat-ubatan/produk kepada pegawai yang terlibat dalam penilaian ubat-ubatan/produk dan juga kepada anggota yang terlibat dalam penjagaan kesihatan pesakit untuk penambahbaikan mutu perkhidmatan kesihatan dalam negara
- Memastikan maklumat yang dipaparkan di laman web BPFK adalah terkini
- Memantau sistem rangkaian komputer BPFK dan memastikan sistem pendaftaran online (Quest 2) berjalan secara lancar
- Memberikan penerangan mengenai kaedah pendaftaran produk dan lain-lain berkaitan dengannya seperti status pendaftaran (samada produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik) serta lain-lain maklumat sepertimana dikehendaki pelanggan
- Menyelenggarakan penerbitan makalah mengenai polisi PBKD (Berita Ubat-Ubatan) dan Laporan Tahunan BPFK
- Menyelaraskan latihan dan penempatan Pegawai Farmasi Provisional (PRP)
- Mengendalikan penempatan latihan pegawai profesional atau separa profesional yang menjalani latihan di jabatan ini dari semasa ke semasa samada anjuran badan dalam negeri atau luar negara

Aktiviti 2006:

PENGURUSAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pengenalan sistem pendaftaran produk dan perlesenan secara 'on-line' oleh BPFK merupakan satu langkah ke arah kemajuan dalam bidang pengawalan farmaseutikal di Malaysia. Sejajar dengan pelaksanaan e-kerajaan, pendaftaran dan pelesenan secara 'on-line' dilihat sebagai satu usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan BPFK. Sistem pendaftaran produk secara 'on-line' ini dikenali sebagai sistem Quest2 telah berjaya dilancarkan secara rasminya pada tahun 2002 bagi memudahcara proses pendaftaran. Pada peringkat awalnya, sistem pendaftaran secara 'on-line' hanya diimplementasikan bagi pendaftaran produk kosmetik. kejayaan sistem ini kemudiannya diguna pakai bagi pendaftaran produk mengandungi racun berjadual dan produk OTC pada Julai 2003 diikuti

dengan produk tradisional pada Januari 2004. Walaubagaimanapun, sistem pendaftaran secara 'on-line' bagi produk Entiti Kimia Baru dan Bioteknologi sedang dalam perancangan untuk dilaksanakan menerusi Sistem Quest3 yang merupakan Sistem Quest2 (yang dinaik-taraf) pada masa akan datang. Pusat Pembangunan Organisasi memainkan peranan yang penting dalam memantau dan menguruskan Sistem Quest2. Segala permasalahan yang dihadapi berkenaan sistem ini sama ada oleh pemohon mahupun kakitangan BPFK disiasat dan tindakan pencegahan diambil bagi mengelakkan permasalahan yang sama daripada berulang. Sistem ini sedang dinaik taraf ke sistem Quest3 yang merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010).

PENGURUSAN LAMAN WEB BPFK

Laman web BPFK memainkan peranan yang penting dalam memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan kerana segala urusan berkaitan permohonan pendaftaran, pelesenan dan laporan kesan advers ubat-ubatan dilakukan menerusi sistem 'on-line'.

Selain itu, berita dan maklumat terkini berkaitan dengan polisi Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), senarai pendaftaran produk berdaftar, keputusan PBKD dan kursus-kursus yang disediakan turut dipaparkan di laman web BPFK di www.bpfk.gov.my.

PENGURUSKAN PERTANYAAN

Pusat Pembangunan Organisasi (PPO) memainkan peranan yang penting kepada para penguna dan industri dalam memberi maklumat am. Sebanyak 3663 pertanyaan telah diterima oleh PPO pada tahun 2006 yang mana peningkatan sebanyak 21.9% telah dilihat berbanding tahun sebelumnya (Carta 23). Jenis pertanyaan termasuk pengkelasan produk, status pendaftaran produk, indikasi produk serta pertanyaan am.

Carta 23



PENERBITAN

Pada tahun 2006, 4 edisi Berita Ubat-Ubatan yang mengandungi pelbagai berita dan polisi terkini PBKD dan 1 naskah laporan tahunan BPFK telah diterbitkan untuk edaran.

PENGURUSAN SESI DIALOG DENGAN PIHAK INDUSTRI YANG BERKAITAN

BPFK bekerjasama erat dengan pihak industri tempatan, persatuan industri, pakar perubatan, ahli akademik, pengguna dan pihak-pihak yang berkaitan bagi memastikan keberkesanan sistem regulatori yang diguna pakai. Sehubungan dengan itu, pihak BPFK kerap menganjurkan mesyuarat kumpulan kerja teknikal (technical working group,TWG) dan dialog dengan pihak industri yang berkaitan berdasarkan keperluan semasa.

Sebanyak 5 sesi dialog yang telah berjaya dianjurkan sepanjang tahun 2006:

PERSATUAN/ INDUSTRI	TARIKH DIALOG
Persatuan Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI)	30 Mac 2006
Persatuan Farmaseutikal Malaysia (PhAMA)	13 Julai 2006
Industri Produk Tradisional :Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia (PPUCM) dan Persatuan Pengeluar-Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA)	30 Ogos 2006
Industri Kosmetik: Persatuan Kosmetik, Dandanan Diri dan Haruman Malaysia (CFTA) dan Persatuan Pengilang Malaysia – Kumpulan Industri Kosmetik dan Dandanan Diri Malaysia (FMM MCTIG)	7 Julai 2006
Persatuan Edaran Terus Malaysia (MDDA)/ Persatuan Jualan Lansong Malaysia (DSAM)	8 Jun 2006

KURSUS DAN LATIHAN

Pusat Pembangunan Organisasi (PPO) sering menganjurkan pelbagai ceramah, bengkel dan seminar untuk anggota BPFK. Program Continuous Professional Development (CPD) dianjurkan untuk pegawai farmasi dan pembantu farmasi sebagai sebahagian daripada program latihan yang dikelolakan oleh PPO.

Pada tahun 2006, BPFK telah menganjurkan sebanyak 51 sesi CPD yang terdiri daripada ceramah, bengkel, kelab jurnal dan seminar. Pihak BPFK juga turut menghantar anggotanya menghadiri kursus yang berkaitan di bawah anjuran pihak kementerian serta pihak luar.

PENGURUSAN LAWATAN PELAWAT TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

Sebagai satu-satunya badan regulatori di Malaysia yang juga merupakan *WHO Colaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals,* pihak BPFK sering menerima lawatan dari dalam dan luar negara. Pelawat dalam negara antaranya termasuklah dari pelajar universiti serta wakil-wakil agensi tempatan, manakala lawatan dari luar negara pula kerap diadakan dengan tujuan untuk menjalani latihan di institusi ini serta untuk memahami sistem regulatori yang diguna pakai di Malaysia. Urusan bagi merancang program lawatan dan sambutan pelawat-pelawat ini diuruskan oleh Pusat Pembangunan Organisasi.

Sepanjang tahun 2006, pihak BPFK telah menerima 195 kunjungan pelawat tempatan dan 68 kunjungan dari luar negara antaranya dari Bhutan, Brunei Darussalam, China, Mesir, India, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan dan Tanzania.

HALATUJU 2007:

Pusat Pembangunan Organisasi (PPO) sedang berusaha dalam mengimplementasikan rancangan BPFK untuk menaik taraf sistem teknologi maklumat dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010). Selain itu, pusat ini juga merancang untuk menambah bilangan bahan rujukan bentuk elektronik untuk kegunaan anggota BPFK. Pusat ini juga bercadang untuk menjalankan pengstrukturan semula unit-unit dalam pusat ini dengan tujuan untuk membangun serta meluaskan skop perkhidmatan sedia ada.

BAB

11

UNIT PENTADBIRAN



UNIT PENTADBIRAN

Semua hal berhubung dengan pengurusan kewangan dikendalikan oleh Unit Pentadbiran yang juga bertanggungjawab dalam pentadbiran am dan tugas-tugas lain yang bukan bidang profesional. Unit Pentadbiran memastikan bahawa semua anggota menikmati upahan gaji bulanan, tuntutan-tuntutan rasmi dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, dan mengawal peruntukan kewangan supaya sentiasa mencukupi bagi menjamin setiap aktiviti yang dirancang boleh mencapai objektif keseluruhannya.

TINJAUAN BELANJAWAN

PEMBAYARAN

Pada tahun 2006, pembayaran upahan dan gaji untuk 200 anggota tetap dan 45 anggota sambilan berjumlah RM7,806,907.83.

KUTIPAN HASIL

Jumlah kutipan hasil untuk bayaran pendaftaran ubat-ubatan serta kosmetik, ujian makmal, lesen, perkhidmatan nasihat, jualan buku-buku garis panduan dan lain-lain bagi tahun 2006 ialah RM8,707,403.83.

KUTIPAN HASIL (RM) (TAHUN 2002 – 2006)

Tahun	Pendaftaran	Lesen	Makmal	Pemeriksaan	Bahan Cetak	Lain-Lain	JUMLAH
2002	2,002,370	454,800	745,839	24,700	28,875	55,669	3,312,253
2003	5,540,795	942,650	1,126,027	62,700	18,420	64,230	7,754,822
2004	8,837,250	1,062,200	342,882	81,295	16,055	67,874	10,407,556
2005	7,239,500	1,232,500	304,762	48,250	13,335	60,522	8,898,869
2006	6,811,250	1,351,750	386,595	79,285	7,635.50	70,888	8,707,403

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS BPFK (TAHUN 2006)

Kod Objek	Jenis Perbelanjaan Am	Peruntukan (RM)		Perbelanjaan (RM)		Baki	
		Asal	Dipinda	Perbelanjaan Bersih	%	(RM)	%
10000	Emolumen	7,700,000	7,200,000	7,806,907.83	108.43		8.43
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	8,688,600	9,868,600	9,601,829.63	97.29	266,770.37	2.71
30000	Aset (Harta Modal)	1,223,000	1,291,833	1,277,397.06	98.88	14,435.94	1.12
	JUMLAH	17,611,600	18,360,433	18,686,134.52	101.77	(325,701.52)	1.77

SENARAI KEDUDUKAN PERJAWATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2006

BIL .	NAMA JAWATAN	GRED	BIL	JAWATAN	
				DIISI	KOSONG
1.	PENGARAH	VU7	1	1	0
2.	PEGAWAI FARMASI	U54	2	1	1
3.	PEGAWAI FARMASI	U52	6	2	4
4.	PEGAWAI FARMASI	U48	33	23	10
5.	PEGAWAI FARMASI	U44	4	4	0
6.	PEGAWAI FARMASI	U41	85	75	10
7.	PEMBANTU FARMASI	U36, U32, U29	77	65	12
8.	PEGAWAI PENYELIDIKAN	Q41	25	25	0
9.	PEGAWAI SAINS	C41	1	1	0
10.	ANGGOTA SOKONGAN		62	48	14
	JUMLAH		296	245	51

JASAMU DIKENANG TAHUN 2006

Pada tahun 2006, sejumlah 21 orang anggota telah bertukar ke tempat kerja baru. Mereka yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH (TEMPAT BARU)
1.	Dayang Hanani bt. Umar	Pegawai Farmasi	1.1.2006 (Terengganu)
2.	Fudziah binti Ariffin	Pegawai Farmasi	16.1.2006 (Sabah)
3.	Dr. Tajuddin bin Akasah	Pegawai Farmasi	16.1.2006 (KKM)
5.	Sulaiman bin Hj. Ahmad	Pegawai Farmasi	16.1.2006 (KKM)
4.	Abdul Aziz bin Mansor	Pegawai Farmasi	16.1.2006 (Institut Keb. Produk Asli)
6.	Norinawati binti Zainudin	Pembantu Tadbir	16.1.2006 (Hospital Sg. Petani)
7.	Norhaslina binti Hashim	Pembantu Tadbir	16.1.2006 (Kedah)
8.	Tan Chuan Ai	Pegawai Farmasi	16.2.2006 (Perlis)
9.	Rosnani bt. Mhd. Yusoff	Pembantu Tadbir	3.4.2006 (IKU)
10.	Roshayati bt. Hashim	Pembantu Tadbir	3.4.2006 (IMR)
11.	Nor Hasliza binti Ahmad	Pembantu Farmasi	19.5.2006 (Perlis)
12.	Syariza binti Saidin	Pembantu Farmasi	19.5.2006 (Perak)
13.	Zainul bin Mues	Pembandu Bermotor	19.6.2006 (JKWP)
14.	Norrehan binti Abdullah	Pegawai Farmasi	1.8.2006 (HKL)
15.	Manida a/p Pin	Pembantu Farmasi	18.9.2006 (Kedah)
16.	Rohaniah binti Che Seman	Pembantu Farmasi	18.9.2006 (N.Sembilan)
17.	Suzila binti Hamid	Pembantu Farmasi	18.9.2006 (Kelantan)
18.	Rosnah binti Dardak	Pembantu Tadbir (Kew)	15.9.2006 (KKM)
19.	Azrul Azam bin Rafie	Pembantu Tadbir (Kew)	15.9.2006 (Kelantan)
20.	Mohd. Mukhrish b. Abu Hasan	Pembantu Farmasi	2.10.2006 (Kedah)
21.	Eisah bt. A. Rahman	Pengarah, BPFK	16.12.2006 (KKM)

Kepada semua anggota yang telah meninggalkan BPFK kerana bertukar ke tempat baru kami ucapkan selamat maju jaya dalam bidang tugas baru.

Segala khidmat dan jasa bakti yang telah dicurahkan oleh semua kepada BPFK selama ini amatlah dihargai dan akan dikenang untuk selamanya.

BAB 12

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)



PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)

Pada tahun 2006, biro-biro kecil PUSPANITA BPFK telah menjalankan pelbagai aktiviti sosial dan kebudayaan, kebajikan, pendidikan dan sukan. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah:

- Majlis Jasamu Dikenang 2005
- Taklimat Breast Health Awareness Campaign & Breast Cancer Screening
- Mesyuarat Agung Tahunan Puspanita BPFK Kali Ke-18
- Ceramah Amalan Semasa Mengandung & Selepas Bersalin
- Pertandingan *Indoor Games* (congkak dan batu seremban)
- Jualan Buku Kanak-kanak & Majalah
- Jualan menjelang Pasaria
- Tadarus Al-Quran
- Majlis Jasamu Dikenang 2006
- Persembahan Koir PUSPANITA BPFK

Selain menganjurkan aktiviti-aktiviti di atas, ahli-ahli Puspanita BPFK juga telah menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh cawangan kecil PUSPANITA Kementerian Kesihatan Malaysia yang lain seperti ceramah-ceramah kesihatan, seminar keterampilan diri dan pembentukan imej, hiasan dalaman, landskap halaman rumah serta pertandingan sukan seperti bola jaring, badminton, bola tampar dan bowling. Ahli PUSPANITA BPFK juga telah terpilih untuk mewakili PUSPANITA KKM ke Pertandingan Bowling Anjuran PUSPANITA Kebangsaan.

Gambar-gambar sekitar aktiviti Puspanita Cawangan BPFK

Mesyuarat Agung PUSPANITA BPFK ke -18

Pasaria Puspanita

Pertandingan *Indoor Games*

Ceramah Kesihatan & Free Skin Analysis


Majlis Khatam Quran

KELAB BPFK

Kelab BPFK yang diterajui oleh Pengarah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan BPFK mempunyai keahlian seramai 170 orang sehingga Disember 2006. Aktiviti Kelab BPFK sepanjang tahun 2006 lebih tertumpu kepada acara sukan.

Dua aktiviti utama yang telah dijalankan ialah pertandingan sukan dan acara sukaneka. Pertandingan sukan telah diadakan secara berperingkat pada bulan Januari, Mac, April, Mei dan Julai. Sebanyak 7 acara telah dipertandingkan iaitu dart, karom, badminton, bola tampar, ping pong, sepak takraw dan bola jaring.

Kemuncak aktiviti kelab pada tahun 2006 ialah Hari Sukaneka yang telah diadakan pada 29 Ogos 2006. Acara-acara yang telah dijalankan ialah acara berpasukan (Le tour de BPFK, Chinese Cuisine, Acid river, Genie in the bottle, Raja bersiram dan Merebut takhta), Mini Jogathon, Pertandingan Rumah Berhias dan Pertandingan Bayi Comel.








Pasukan Merah, Biru, Kuning & Hijau

Pertandingan Bayi Comel

Mini Jogathon

Pertandingan Rumah Berhias

BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN ISLAM BPFK (BAKKI)

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh BAKKI adalah tertumpu kepada aktiviti kebajikan dan keagamaan yang bertujuan untuk mengeratkan pergaulan dan hubungan mesra di antara kakitangan Islam. Di samping itu, BAKKI juga menguruskan tabung kebajikan melalui pungutan derma kilat untuk memberi bantuan segera kepada ahli yang terlibat dalam kemalangan, kematian dan juga untuk tujuan kebajikan yang lain.

Beberapa aktiviti yang telah dijalankan oleh BAKKI sepanjang tahun 2006 adalah:

- Majlis Bacaan Surah Yassin, Tahlil Arwah & Doa Selamat
- Gotong-Royong menyediakan Bubur Lambuk pada bulan Ramadhan untuk diagihkan kepada kakitangan Islam BPFK
- Majlis Berbuka Puasa & Solat Tarawih peringkat jabatan

Aktiviti-aktiviti lain anjuran KKM yang telah disertai oleh ahli-ahli BAKKI pula ialah:

- Majlis Tilawah Al-Quran Kementerian Kesihatan Malaysia Peringkat Wilayah Persekutuan
- Forum Perdana sempena Majlis Tilawah Al-Quran Kementerian Kesihatan Malaysia Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan

BAB 13

RINGKASAN POLISI PBKD 2006



RINGKASAN POLISI PBKD 2006

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 177 (26/01/2006)	**CADANGAN KAJIAN SEMULA STATUS PENDAFTARAN PRODUK SEKIRANYA SAMPEL PRODUK YANG DIPEROLEH DARI PASARAN DIDAPATI DICAMPUR PALSU** Mesyuarat telah mengambil keputusan : i) Bersetuju dengan cadangan di mana status pendaftaran produk dibatalkan jika terdapat produk dicampurpalsu dari sampel produk yang diperolehi dari pasaran oleh cawangan penguatkuasa Farmasi, laporan dari pihak berkuasa di negara lain , laporan kesan advers ataupun aduan berkaitan dengan produk yang telah didaftarkan oleh PBKD. ii) Mesyuarat juga bersetuju dengan pendekatan menggunakan label hologram untuk mengenalpasti pengilang yang bertanggungjawab mengilang produk yang dicampurpalsu. Label hologram boleh dijadikan sebagai bukti mahkamah. **RAYUAN UNTUK MENGEKALKAN PENGGUNAAN LABEL `RACUN' DI SAMPING PENGGUNAAN 'CONTROLLED MEDICINE' PADA LABEL PRODUK** Mesyuarat tidak bersetuju terhadap rayuan yang telah dikemukakan oleh pihak industri terutamanya dari 'Multi national company' bagi rayuan untuk mengekalkan penggunaan label 'Racun' di samping penggunaan 'Controlled Medicine' pada label produk dengan alasan ianya boleh mengelirukan pesakit serta tidak menepati tujuan sebenar pindaan kepada Akta Racun 1952, Peraturan-peraturan Racun (pindaan) 2003 ini dilakukan.
PBKD 178 (23/02/2006)	**CADANGAN UNTUK MEMUATKAN AMARAN PADA LABEL DAN SISIP BUNGKUSAN PRODUK YANG MENGANDUNGI PROPOLIS (TOPIKAL) DAN ROYAL JELLY (SEMUA BENTUK)** Mesyuarat PBKD yang ke-170 telah bersetuju bahawa :- (i) Kenyataan berikut perlu dimuatkan pada label dan sisip bungkusan semua produk sediaan topikal yang mengandungi propolis: ***- Propolis may cause allergic skin reactions*** (ii) Kenyataan berikut perlu dimuatkan pada label dan sisip bungkusan semua produk yang mengandungi royal jelly:

MESYUARAT PBKD	POLISI
	- ***This product contains royal jelly and may cause severe allergic reactions including fatal anaphylactic reactions in susceptible individuals*** - ***Asthma and allergy sufferers may be at greater risks***
PBKD 179 (23/03/2006)	**SYARAT TAMBAHAN LESEN PENGILANG** Mesyuarat bersetuju supaya syarat tambahan dikenakan kepada pemohon Lesen Pengilang bagi memastikan produk yang ingin dikilang tidak dicampurpalsu. Syarat baru ini akan dimasukkan sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang sedia ada pada Lesen Pengilang. Syarat tambahan tersebut adalah seperti berikut:- "Pengilang adalah bertanggungjawab memastikan bahawa semua produk yang dikilangkan adalah bebas dari sebarang campurpalsu (adulteration) dengan bahan-bahan yang tidak dibenarkan. Sekiranya berlaku sebarang campurpalsu, PBKD akan menarikbalik Lesen Pengilang dengan sertamerta".
PBKD 181 (29/05/2006)	**CADANGAN UNTUK MEMUATKAN AMARAN PADA LABEL DAN SISIP BUNGKUSAN PRODUK YANG MENGANDUNGI PROMETHAZINE HYDROCHLORIDE BERKAITAN DENGAN "THE POTENTIAL FOR FATAL RESPIRATORY DEPRESSION OF PROMETHAZINE HYDROCHLORIDE IN PEDIATRIC PATIENTS LESS THAN 2 YEARS".** Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan tersebut dan bersetuju: i) Amaran berkaitan kesan advers ini diwajibkan untuk dimuatkan pada sisip bungkusan semua keluaran (sirap, tablet, injeksi, larutan, dan linktus) yang mengandungi promethazine HCl. ii) Amaran yang perlu dimuatkan di bawah bahagian 'Warning' adalah seperti berikut: ***"This product contains promethazine hydrochloride. It should not be used in paediatric patient less than 2 years of age because of the potential for fatal respiratory depression".***
PBKD 183 (27/07/2006)	**CADANGAN UNTUK MEMUATKAN AMARAN PADA LABEL DAN SISIP BUNGKUSAN PRODUK TRADISIONAL/ SEMULAJADI YANG MENGANDUNGI BLACK COHOSH(CIMICIFUGAE RACEMOSAE) BERKAITAN DENGAN "SERIOUS HEPATIC REACTIONS"** Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan tersebut dan bersetuju: a) supaya amaran berkaitan 'serious hepatic reactions' ini diwajibkan untuk dimuatkan pada label dan sisip bungkusan produk tradisional/semulajadi yang mengandungi Black Cohosh (Cimicifugae racemosae).

MESYUARAT PBKD	POLISI
	b) Amaran yang perlu dimuatkan pada label ataupun sisip bungkusan di bawah bahagian "Warning" adalah seperti berikut: ***i- Stop taking this product if signs and symptoms suggestive of liver injury develop such as tiredness, loss of appetite, yellowing of the skin and eyes or severe upper stomach pain with nausea and vomiting or dark urine and consult your doctor immediately.*** ***ii- Patients using herbal medicinal products should inform their doctor about it.***
PBKD 185 (29/09/2006)	**CADANGAN UNTUK MEMUATKAN AMARAN PADA LABEL DAN SISIP BUNGKUSAN PRODUK SUPLEMEN KESIHATAN ORAL YANG MENGANDUNGI ARGININE BERKAITAN DENGAN "ARGININE IS NOT RECOMMENDED FOR PATIENTS FOLLOWING A HEART ATTACK".** **Keputusan:** Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan tersebut dan bersetuju supaya amaran berkaitan isu keselamatan ini diwajibkan untuk dimuatkan pada label dan sisip bungkusan produk supplemen kesihatan oral yang mengandungi Arginine. ***"Arginine is not recommended for patients following a heart attack"***
PBKD 185 (29/09/2006)	**KAJIAN SEMULA PENGKELASAN PRODUK 'EXTERNAL PERSONAL CARE (EPC)' DARI PRODUK BUKAN RACUN (OTC) KEPADA KOSMETIK.** Mesyuarat PBKD kali ke-185 telah bersetuju dengan cadangan mengkaji semula pengkelasan produk 'External Personal Care' (EPC) dari Produk Bukan Racun (OTC) kepada Kosmetik. Perubahan ini dijangka dilaksanakan mulai 1 Januari 2007.
PBKD 186 (19/10/2006)	**CADANGAN UNTUK MEMUATKAN AMARAN PADA SISIP BUNGKUSAN SEMUA PRODUK 'ACE-INHIBITORS' TERMASUK KOMBINASI** **Keputusan:** Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju mengenai cadangan tersebut: a) amaran berkaitan kesan advers kepada wanita hamil akibat penggunaan ACE Inhibitors dimuatkan pada sisip bungkusan semua produk yang mengandungi ACE Inhibitors sebagai bahan tunggal ataupun kombinasi dengan bahan lain. b) amaran yang perlu dimuatkan pada sisip bungkusan di bawah bahagian "Warning" dan "Use in Pregnancy" adalah seperti berikut: ***"Increased risk of birth defects, fetal and neonatal morbidity and death when used throughout pregnancy"***

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 187 (23/11/2006)	**PERLAKSANAAN KAWALAN KE ATAS PRODUK KOSMETIK DARIPADA PROSEDUR PENDAFTARAN KEPADA PROSEDUR NOTIFIKASI** **Keputusan:** Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan tersebut dan bersetuju: a) Perubahan prosedur pendaftaran produk kosmetik sedia ada iaitu dari prosedur pendaftaran kepada prosedur pemberitahuan atau notifikasi (Notification). b) Melaksanakan perubahan kepada prosedur notifikasi ini mulai **1 Januari 2008.**

BAB 14

PELAWAT ANTARABANGSA DI BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (BPFK)



PELAWAT ANTARABANGSA DI BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (BPFK)

Sepanjang tahun 2006, BPFK telah menerima sebanyak 68 lawatan dari luar negara termasuk Singapura, Egypt, India, China, Taiwan, Brunei, Bhutan dan Tanzania. Delegasi yang berkunjung bagi tujuan lawatan diberi penerangan secara am tentang BPFK manakala delegasi yang melawat bagi tujuan latihan diberi kursus yang sewajarnya.

Pelawat	*Organisasi*	*Negara*	*Tarikh*	*Tujuan*
Chan Ek Huar	Diketuai oleh Pengarah + delegasi dari Pharmaceutical Purchasing for Singapore Health Services.	Singapura	27 Februari 2006	Lawatan Sambil Belajar
Choong Wei Sim				
Mabel Phng				
Hassan El Bamna	Egyptian Embassy KL	Egypt	24 April 2006	Lawatan Sambil Belajar/ Lawatan Rasmi
Ali Ibrahim Ammar	Egyptian Int. Pharm Industries Company (EIPICO)			
Adhem Shacker Helmi	Pharmco. Corp.			
Sham K. Mudgia	High Commission of India	India	28 April 2006	Lawatan Sambil Belajar/ Lawatan Rasmi
M. Roja Rani	Pharmetcil, India			
Joseph Vincent	Khandelwal Laboratories (Pvt) Ltd.			
T. Ravichandiran	Pharm Products (P) Ltd.			
J.S. Murthy	Sven Genetech Ltd., Hyderabad, India			
Asma A'tiyah PDIDPSS Ustaz Hj. Abd. Hamid	Drug & Poison Information Section, Department of Pharmaceutical Service, Ministry of Health, Brunei Darussalam.	Brunei	8 – 15 Mei 2006	Lawatan Sambil Belajar (ADR)
Dorji Thinlay (Head of DRA)	Drug Regulatory Authority, MOH, Kingdom of Bhutan	Bhutan	27 Jun – 14 Julai 2006	Lawatan Sambil Belajar
Ms. Ngawang Dema (Pharmacist)				
Mr. Sang Po				

Pelawat	*Organisasi*	*Negara*	*Tarikh*	*Tujuan*
Mr. Kyaruzi, J.J.	Tanzania FDA	Tanzania	24 – 28 Julai 2006	Lawatan Sambil Belajar (ICT)
Mr. Mtumwa Simba				
Mr. Emmanuel Mremi				
Xia Jin Wang	Beijing Drug Administration, MOH China via Malaysian Chamber of Commerce and Industry in China (MAYCHAM)	China	16 Ogos 2006	Lawatan Sambil Belajar/ Lawatan Rasmi
Li Jia Xing				
Hu Jun Ping				
Chen Jiang				
Shen Bao Zen				
Dong Ya Xin				
Zhao Qing Yuan				
Lee Yao Jiang				
David Ong				
Dr. John Lim	Health Sciences Authority, Singapore	Singapura	28-29 Ogos 2006	3rd Technical Meeting of NPCB & HSA
Mr Yee Shen Kuan				
Mrs Marie Tham				
Ms Chan Cheng Leng				
Mr Sia Chong Hock				
Ms Jessica Teo				
Ms Lim Peck Seah				

Pelawat	*Organisasi*	*Negara*	*Tarikh*	*Tujuan*
Ms. Zubaidah Hj. Mahmud	Pharmaceutical Services, Ministry of Health, Brunei Darussalam	Brunei	4 – 12 September 2006	Sangkutan
Ms. Rosni Jair				
Dr. Choi Seung Hoon	Wakil Unit Perubatan Komplementari / Alternatif, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WPRO, WHO) [melalui Bahagian T/CM, KKM)	Filipina	6 September 2006	Lawatan Rasmi
Lain-Tze Lee	BEL of ITRI-Pharmaceutical Technology Division	Taiwan	20 September 2006	Taiwan Bioindustrial Visiting Delegation to Malaysia
Huey-Min Lai				
Yuh-Chyun Wey				
